

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

YFP 221 – Penerbitan Audio

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 1 muka surat bercetak dan 3 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Temuramah merupakan satu kaedah yang penting yang digunakan dalam rancangan radio. Dengan merujuk kepada temuramah yang anda jalankan di luar studio, bincangkan persediaan yang diperlukan sebelum temuramah dijalankan. Nilai teknik-teknik yang digunakan dan masalah yang anda hadapi dalam menjalankan temuramah tersebut.

(100 markah)

2. Anda ditugaskan untuk membuat satu laporan radio selama 10 minit mengenai kesesakan lalu-lintas di dalam kampus. Bentangkan satu kertas kerja yang menerangkan pendekatan yang anda akan gunakan dalam laporan ini. Nyatakan juga pihak-pihak yang akan dihubungi dan senaraikan sekurang-kurangnya tiga soalan yang akan dikemukakan kepada setiap pihak tersebut. Anda harus memberi perhatian kepada faktor-faktor yang wajar dipertimbangkan dalam penulisan dan penerbitan laporan yang seimbang.

(100 markah)

3. Anda ditugaskan untuk menerbitkan satu kempen sosial mengenai kepentingan senaman dalam kesihatan diri. Sediakan satu kertas kerja mengenai tujuan dan sasaran kempen tersebut. Bentangkan satu skrip lengkap dengan teks kempen untuk penerbitan radio selama dua minit.

(100 markah)

-oooOooo-